

# Amerika bakal pengeksport daging terbesar

**A**MERIKA Syarikat mungkin muncul sebagai pengeksport daging lembu terbesar dunia tahun ini, apabila musim kemarau di negara itu memaksa petani menyembelih lebih banyak lembu, mengatai Australia.

Ia juga didorong pengukuhan mata wang Australia yang menjadikan daging di negara itu lebih mahal, menurut seorang pegawai industrinya.

Eksport daging di Australia dianggarkan meningkat kepada 1.44 juta tan tahun ini, berbanding 1.4 juta tan yang dihantar tahun lalu, kata Pengarah Urusan Daging dan Ternakan Australia, Scott Hansen.

"Kadar pertukaran lebih lemah bagi dolar AS menyebabkan negara itu meningkat eksportnya ke tahap yang menjadikannya pengeksport tertinggi tahun ini," katanya di persidangan industri pertanian di Canberra. Beliau bagaimanapun tidak memberi sebarang anggaran eksport AS.

USDA menjangkakan eksport daging lembu Australia akan berada pada 1.38 juta tan pada tahun ini, meningkat daripada 1.35 juta tan



DAGING yang diimport dari Australia dijual di daerah Hsinchu, Taipei.

pada 2011.

Menurut laporan USDA, Australia adalah pengeksport terbesar daging lembu pada 2011, diikuti Brazil yang mengeksport 1.325 juta tan dan Amerika Syarikat menghantar

1.241 juta tan. Laporan itu mengikat eksport daging lembu AS pada 1.25 juta tan, tahun ini.

Eksport lembu hidup dari Australia mungkin meningkat kembali pada 2012 kepada 500,000 tan, se-

lepas penurunan tahun lalu susulan sekatan yang dikenakan oleh pelanggan terbesarnya iaitu Indonesia akor isu layanan buruk terhadap ternakan.

"Eksport lembu menjadi bahagian penting bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di Asia Tenggara.

"Kita melihat hidup lembu eksport berkembang kembali tahun ini," kata Hansen.

Hansen berkata, terdapat permintaan yang kukuh untuk ternakan dari Asia Tenggara dan Asia Barat, tetapi menambah bahawa Indonesia akan kekal menjadi pembeli yang terbesarnya.

"Terdapat potensi untuk eksport lembu hidup berkembang ke Asia Barat dan Asia Tenggara, namun sebahagian besar daripada eksport kita pergi ke Indonesia.

"Kami juga akan terus menyaksikan peningkatan permintaan perternakan lembu sebagai tindak balas kepada permintaan global," katanya, sambil menambah bahawa permintaan daging lembu global dijangka melampaui bekalan mulai sekarang hingga 2016. - REUTERS